

REPRESENTASI BELIA DALAM MEDIA MASSA *YOUTH REPRESENTATION IN MASS MEDIA*

Cyril Modili¹
Haryati Abdul Karim²

^{1&2}*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,
cyrilmodili@ums.edu.my; haryati@ums.edu.my*

Tarikh diterima: 3 Februari 2020 / Tarikh dihantar: 21 April 2020

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan konsep representasi belia dalam media massa. Representasi disebarkan melalui budaya yang diamalkan dan menyumbang kepada cara pandang serta pemahaman seseorang individu terhadap diri sendiri dan orang lain. Dalam kertas kerja ini, belia didefinisikan dalam bentuk beberapa fasa, iaitu fasa perantaraan kehidupan antara kanak-kanak dan dewasa, fasa sebagai rakyat dan kesedaran hak individu, fasa rasmi yang ditentukan oleh undang-undang, fasa kedewasaan-biologi, psikologi, emosi dan kematangan, fasa transisi kehidupan sosial dan pembentukan sendiri melalui persekitaran sosial (Cole, 2004). Media massa pula dikaitkan dengan belia dalam kertas kerja ini kerana dianggap sebagai pedagogi budaya yang mencerminkan media sebagai petunjuk arah kehidupan seseorang manusia yang mempunyai peradaban (Robson, 2008). Terdapat beberapa konsep representasi terhadap belia yang dibincangkan dalam kertas kerja ini. Antaranya ialah representasi keganasan, masalah sosial dan stereotaip imej negatif. Oleh itu, kajian seumpama ini perlu dilakukan untuk melihat signifikan representasi belia dalam media massa pada masa kini, sama ada ia menggambarkan situasi sebenar kehidupan belia atau sebaliknya. Hal ini demikian kerana belia pada masa kini lebih tertarik dengan representasi mereka dalam media sosial yang seterusnya dijadikan sebagai kayu ukur dalam menjalani kehidupan harian mereka (Hanckel, 2016).

Kata kunci: Representasi keganasan, masalah sosial, stereotaip imej negatif, belia, media massa.

ABSTRACT

This article discusses the concept of youth representation in the mass media. Dissemination of representation through a culture that practiced in everyday life contributes to views and understanding of oneself and others. Definition of youths in this paper explained in the form of phases, which are the intermediate stage of life between children and

adults, period where they know their rights and as a citizen, the official phase determined by law, the adulthood-biology phase, psychology, emotion and maturity, the social life transition phase and the self-development through the social environment (Cole, 2004). As a cultural pedagogical to a civilize human which used as the guide of a way of life as human, mass media plays an essential role in youth life (Robson, 2008). There are several youth representation concepts discussed in this paper: violent representation, social problems and negative image stereotypes. Therefore, this study is crucial to see a significant description of youth in the mass media, whether it is showing the reality of how youth live or vice versa. Moreover, youth nowadays are more interested in their representation in social media and makes it as a guide to living their everyday life (Hanckel, 2016).

Keywords: *Violent representation, social problems, negative image stereotypes, youth, mass media.*

PENGENALAN

Pemahaman terhadap representasi datang dari pelbagai bidang, termasuklah pemahaman dari sudut falsafah, linguistik, etnografi dan antropologi. Menurut Jen Webb (2009), representasi memberi pengertian terhadap bagaimana kita memahami persekitaran, orang lain dan diri kita sendiri. Pengertian terhadap persekitaran, orang lain dan diri kita dapat dilihat dari pelbagai representasi dalam media massa. Dalam kajian ini, pemahaman representasi dikaitkan dengan analisis bagaimana masyarakat dari pelbagai budaya membentuk pemaknaan dan nilai dalam aktiviti mereka yang berkaitan dengan media massa. Ketidakseimbangan representasi belia dalam media massa memberikan konotasi yang negatif terhadap kehidupan belia secara keseluruhannya (Bernier, 2011; Hertsmeere Young Researchers, 2011). Hal ini menyebabkan golongan belia sering dikaitkan dengan perkara yang berunsur negatif akibat daripada konotasi yang dibawa oleh media massa.

Representasi dalam diri seseorang mula berkembang dari zaman kanak-kanak yang sedang membesar sehinggalah riwayat hidupnya tamat (Lemish, 2013). Pada mulanya, mereka biasanya mengikut perlakuan atau perbuatan ibu bapa atau adik-beradiknya. Hal ini demikian kerana ibu bapa dan adik-beradiknya adalah khalayak terdekat yang mereka nampak (Kirsh, 2012). Keadaan sekeliling kanak-kanak dalam proses pertumbuhan mempengaruhi tingkah laku mereka. Penggunaan media pada masa yang sama memberi mereka peluang meneroka identiti diri dari pelbagai sudut. Hal ini menyebabkan mereka menganggap apa yang dipaparkan dalam media adalah gaya hidup yang perlu dituruti. Pengulangan kandungan media yang salah atau bertentangan dengan norma

masyarakat mempengaruhi cara pandang mereka terhadap kehidupan sosial mereka (Subrahmanyam & Smahel, 2010). Keadaan ini berlaku sepanjang masa sehinggalah mereka mencapai fasa seterusnya iaitu memasuki fasa belia.

Menurut Cole (2004), belia akan melalui beberapa fasa dalam proses kematangan. Fasa-fasa tersebut ialah fasa perantaraan kehidupan antara kanak-kanak dan dewasa, fasa sebagai rakyat dan kesedaran hak individu, fasa rasmi yang ditentukan oleh undang-undang, fasa kedewasaan – biologi, psikologi, emosi dan kematangan, fasa transisi kehidupan sosial dan pembentukan sendiri melalui persekitaran sosial. Umur belia secara puratanya adalah dari 15 tahun sehinggalah 35 tahun. Namun, Malaysia mengamalkan had umur dari 18 tahun sehingga 40 tahun, tetapi had umur tersebut telah dipinda kepada 18 tahun sehingga 30 tahun dan telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 24 Julai 2019. Di Malaysia, jumlah belia menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2018 ialah 15.1 juta atau 46.64 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

Generasi belia kini adalah generasi yang akan memegang tampuk pemerintahan pada masa hadapan. Justeru, kandungan media yang disiarkan sepatutnya membawa kepada pembentukan generasi belia yang berakhlak mulia, berkredibiliti dan berpengetahuan. Namun, kandungan media yang dihasilkan adalah jauh berbeza dengan jangkaan tersebut. Belia pada masa kini bergantung dengan media terutamanya media sosial sebagai pemandu kehidupan seharian (Robson, 2008; Cha, 2016). Belia terdedah dengan media massa dalam tempoh lama menyebabkan mereka tidak melakukan aktiviti di luar rumah (Roberts, 2000).

Apa yang merisaukan lagi adalah pengeluar kandungan media tidak memikirkan tentang kesan representasi yang mereka lakukan terhadap masyarakat secara umum, terutamanya belia (Maropo *et al.*, 2017). Golongan belia yang sedang mencari identiti diri, menghadapi cabaran hidup yang mengelirukan dan merisaukan akan berpaling kepada sumber paling dekat dengan mereka, iaitu melalui media massa. Hal ini menyebabkan belia mengikut budaya atau gaya hidup yang disajikan oleh media yang mereka gunakan.

Menurut laporan Nielsen Malaysia (2019), kemudahan yang ditawarkan oleh syarikat yang menawarkan program video atas permintaan adalah popular dalam kalangan belia yang berumur antara 18 tahun sehingga 24 tahun. Sebanyak 94 peratus daripada mereka menonton dan melanggan perkhidmatan yang ditawarkan melalui Netflix, Iflix dan Tonton. Golongan belia ini juga menonton rancangan atau program bukan lagi dengan set televisyen tetapi menggunakan telefon pintar atau tablet yang mereka ada. Hal ini menunjukkan bahawa penonton rancangan atau program televisyen tempatan semakin berkurangan

dalam kalangan belia. Perubahan sistem perkhidmatan televisyen mengubah landskap penontonan masyarakat pada masa kini terutamanya golongan belia.

Oleh itu, pembudayaan representasi akan terbentuk dalam diri seseorang individu terutamanya belia. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kandungan media yang ditonton atau digunakan oleh belia menyediakan wadah uji kaji kehidupan yang mana sesuai dengan cita rasa dan diri mereka (Lepianka, 2015). Hal ini akan membawa kepada pelbagai kesan baik dan buruk terhadap tingkah laku, sikap dan kehidupan sosial mereka. Belia yang mempunyai asas yang kukuh dalam memilih kandungan media yang bermanfaat untuk dirinya tidak akan menghadapi masalah dalam menjalankan kehidupannya ke arah yang lebih positif. Namun, ia berbeza halnya bagi golongan belia yang tidak mempunyai asas kukuh dalam menilai kandungan yang baik untuk ditonton ataupun sebaliknya. Hal ini membawa kepada kajian-kajian terdahulu tentang konsep-konsep yang dikaji berkenaan representasi belia dalam media masa.

Representasi Belia dalam Media Massa

Terdapat beberapa konsep representasi belia dalam media massa dalam kajian-kajian lepas. Antaranya ialah belia yang direpresentasikan sebagai golongan yang ganas, mempunyai masalah sosial dan stereotaip imej negatif dalam media. Konsep representasi tersebut menjadi gambaran belia secara umum dalam media massa tanpa mengambil kira representasi positif dalam kandungan media yang disiarkan.

a. Representasi keganasan

Representasi keganasan dalam media sudah lama diperdebatkan dalam kalangan sarjana. Hal ini demikian kerana terdapat sarjana yang mengatakan keganasan memberi kesan yang buruk kepada belia (Anderson & Bushman, 2001 dipetik dalam Kirsh, 2010). Namun demikian, terdapat juga sarjana yang mengatakan bahawa representasi keganasan adalah baik untuk membuatkan belia merasa kuat, berkuasa dan dapat mengawal kehidupan mereka (Jones, 2002 dipetik dalam Kirsh, 2010). Oleh itu, representasi keganasan dalam media membawa maksud tersendiri dalam diri individu yang menggunakan media yang mengandungi elemen keganasan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Bernier (2011) yang menumpukan perhatian terhadap representasi belia dalam media tempatan, *Bakersfield Californian* dan *Mountain Democrat* (tertakluk dalam kawasan El Dorado sahaja) khusus berkaitan dengan perkhidmatan perpustakaan. Kajian beliau berasaskan

tingkah laku agresif daripada golongan belia dalam menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Hal ini disebabkan, belia dalam kajian ini tidak menggunakan perpustakaan sebagai tempat menelaah ilmu, sebaliknya melepak di perpustakaan dan membuat masalah seperti tidak mematuhi peraturan dan melawan pustakawan yang bertugas apabila ditegur kerana melanggar peraturan perpustakaan.

Selain itu, media massa seperti akhbar tempatan juga melaporkan keganasan dilakukan oleh golongan belia. Surat khabar tempatan di Scotland menggambarkan belia sebagai individu yang melakukan keganasan dan jenayah (Mason, 2011). Begitu juga dengan surat khabar di Denmark yang merepresentasikan belia sebagai imej yang negatif. Hal ini disebabkan belia sering terlibat dalam jenayah dan kemalangan (Amundson, Lichter & Lichter, 2005; Levinsen & Wien, 2011). Media massa luar negara melaporkan belia sebagai agresif dan bertindak ganas terhadap sesuatu yang bertentangan dengan keinginan mereka. Namun begitu, kemalangan yang dilaporkan dalam akhbar biasanya ialah mereka yang memandu tanpa pengetahuan ibu bapa dan tidak mempunyai lesen. Dapat dilihat bahawa golongan belia yang bersifat ingin mencuba sesuatu yang baharu membawa kepada kemalangan dan seterusnya dilaporkan dalam media massa secara negatif.

Laporan daripada tiga surat khabar utama di California juga menyatakan bahawa terdapat banyak representasi belia yang melakukan jenayah (McManus & Dorfman, 2002). Namun demikian, representasi belia kadangkala disalah tafsir kerana penulisan berita tentang jenayah mereka cenderung menyalahkan belia secara menyeluruh tanpa melihat konteks jenayah yang dilakukan. Laporan keganasan dalam media massa biasanya meletakkan belia sebagai mangsa atau pelaku jenayah yang dilakukan (Wayne *et al.*, 2008). Namun, apabila golongan belia muncul dalam laporan tersebut, khalayak menganggap belia tersebut yang melakukan jenayah tersebut tanpa melihat kepada keadaan sebenar. Bagi mereka golongan belia adalah golongan yang bermasalah, merisaukan dan berbahaya (Bernier, 2011:159).

Kajian oleh Eugene V. Beresin (1999) mengatakan bahawa keganasan yang dipaparkan dalam media memberi kesan kepada golongan belia. Dapatan kajian yang lebih daripada 30 tahun berkenaan keganasan dalam media telah dikupas dengan terperinci oleh beliau dan mendapati bahawa kesan terbesar bagi penonton belia terhadap keganasan ialah perubahan tingkah laku. Mereka yang terlibat menonton keganasan dalam media, terutamanya televisyen akan menganggap bahawa masalah lebih senang diselesaikan dengan keganasan, melihat keganasan adalah perkara biasa dan sesiapa pun boleh melakukannya serta menganggap keganasan sebagai gaya hidup.

b. *Masalah sosial*

Konsep representasi belia dalam media massa yang seterusnya adalah konsep masalah sosial. Representasi sosial belia dalam media massa sering disamakan dengan sesebuah hierarki atau status sosial dalam sesebuah masyarakat. Amalan budaya yang diamalkan oleh golongan belia adalah berlainan dengan majoriti masyarakat setempat (Lepianka, 2015). Hal ini demikian kerana setiap hierarki status sosial mempunyai amalan gaya hidup tersendiri, contohnya dalam kajian Dorota Lepianka (2015), status sosial dan amalan budaya berlainan antara kumpulan etnik, orang asli dan orang bukan asli menunjukkan kepelbagaian representasi dalam media Belanda. Ia mengkategorikan bahawa kehidupan sosial belia adalah berbeza.

Kajian yang dilakukan oleh Vaterlaus *et al.* (2018), tentang masalah sosial belia iaitu melakukan penontonan secara berterusan. Kajian ini dilakukan terhadap 406 orang pelajar di universiti yang berumur antara 18 tahun sehingga 25 tahun di bahagian barat Amerika Syarikat. Kajian ini menggunakan kerangka kegunaan dan kepuasan bagi mengkaji fenomena tersebut. Antara perkara yang dilihat adalah motivasi mereka untuk menonton secara berterusan dan melihat kesan fenomena tersebut terhadap kehidupan sosial mereka. Hasil daripada kajian ini menyatakan bahawa kesan terhadap kesihatan fizikal dan mental berlaku kerana proses penontonan yang berterusan melibatkan masa yang banyak dan menonton banyak episod rancangan dalam sesuatu masa. Selain itu, kesan penontonan berterusan ini juga mengakibatkan belia disisihkan secara sosial. Disisihkan secara sosial dikaitkan daripada dipisahkan dengan aktiviti sosial (Vaterlaus *et al.*, 2018). Belia tidak lagi berminat untuk melakukan aktiviti sosial seperti bersukan dan sebagainya. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi atau bersosial secara amnya. Representasi belia seperti ini adalah tidak baik kerana ia membawa kepada masalah sosial seperti antisosial.

Di samping itu, Mason (2011) menyokong bahawa belia mempunyai masalah sosial iaitu mempunyai tingkah laku antisosial. Kajian Mason terhadap belia adalah berdasarkan kepada laporan surat khabar tempatan di Scotland. Keadaan ini berlaku kerana apabila belia ketagih dalam menggunakan media massa seperti media sosial, mereka tidak lagi melakukan aktiviti luar (Roberts, 2000). Hal ini menyebabkan mereka dilabelkan sebagai antisosial kerana tidak boleh berkomunikasi dengan orang lain ketika bersemuka kerana banyak masa diluahkan untuk melayari internet.

Selain itu, masalah sosial seperti membuat akaun palsu demi mencapai keseronokan diri menjadi salah satu masalah dalam kalangan belia dalam media massa. Mereka merepresentasikan diri sebagai orang lain dalam media sosial seperti membuat akaun Instagram palsu bagi mencapai keseronokan diri. Bukan itu sahaja, malah bagi mereka ia juga dapat mengeratkan hubungan dengan kawan-kawan. Mereka turut mencapai tahap kepuasan melalui interaksi sosial, ekspresi diri, eskapisme, pemerhatian dan pengumpulan maklumat ketika melakukan perbuatan tersebut (Kang & Wei, 2019). Bagi golongan belia, membuat akaun palsu di media sosial memberi mereka peluang untuk menjadi orang lain dalam alam maya. Hal ini bukan sahaja menjadi masalah sosial kerana golongan belia menganggap ia adalah perkara biasa tetapi juga akan memudaratkan pengguna lain. Apabila mereka melakukan hal ini, orang lain juga turut mengikut jejak mereka. Pada masa yang sama, representasi yang mereka lakukan membawa kepada kemudatan bagi generasi seterusnya.

Belia juga mempunyai masalah keruntuhan moral. Dalam diri belia terdapat sifat memberontak dan ingin mengekspresikan diri. Biasanya hal ini dikaitkan dengan perubahan dalam diri seseorang individu apabila meningkat dewasa. Di samping itu, masalah peribadi dan gangguan sosial juga mengundang pelbagai masalah yang akhirnya berakhir dengan tragedi seperti jenayah, kemalangan dan keruntuhan moral (Levinsen & Wien, 2011). Oleh itu, media massa merepresentasikan belia sebagai seorang yang mempunyai masalah sosial.

c. *Stereotaip imej negatif*

Stereotaip adalah konsep anggapan tentang sekelompok individu, masyarakat, tempat atau benda (Kirsh, 2010). Biasanya, stereotaip terbentuk apabila terdapat jangkaan bagaimana seseorang sepatutnya berfikir, menjalankan kehidupan dan jangkaan-jangkaan lain. Stereotaip selalunya tidak tepat kerana hanya berasaskan jangkaan semata-mata. Stereotaip inilah yang akan menyebabkan representasi dibentuk dan seterusnya dijadikan asas dalam membuat kandungan media massa (Subrahmanyam & Smahel, 2010).

Antara representasi stereotaip imej negatif yang popular ialah berkenaan dengan imej untuk kelihatan langsing. Dalam kajian Lemish (2013: 227), imej untuk kelihatan langsing adalah perkara yang ideal untuk ada pada diri seseorang perempuan. Kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa belia perempuan tertekan untuk mendapatkan tubuh yang langsing dan ideal. Hal ini disebabkan apa yang mereka lihat dalam majalah memberikan gambaran bahawa tubuh langsing tersebut adalah perkara yang perlu diikuti. Keadaan ini disebabkan

oleh representasi wanita dalam majalah wanita menunjukkan seseorang individu yang langsing dan cantik. Representasi seperti ini memberi kesan negatif yang mendalam terhadap emosi wanita kerana untuk mendapatkan tubuh langsing dan cantik, mereka perlu mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk mencapai standard kecantikan menurut stereotaip yang diletakkan pada wanita.

Selain itu, aspek stereotaip imej terhadap peranan jantina dalam media massa juga menjadi perhatian pengkaji terdahulu. Kajian tentang imej lelaki yang dilihat sebagai individu yang merepresentasikan maskuliniti dan perempuan memegang watak feminin membawa kepada pembentukan stereotaip bahawa lelaki hanya boleh dilihat sebagai seorang yang kuat memberontak, tidak sabar dan suka mencari masalah (Aubrun & Grady, 2000). Perkara-perkara tersebut menjadikan representasi lelaki selalunya membawa watak jahat atau individu bermasalah, manakala perempuan sebagai seorang yang lemah lembut dan bersopan santun. Keadaan ini memberi representasi yang tidak begitu tepat dalam keadaan dunia masa kini. Oleh itu, representasi sedemikian akan menyebabkan imej lelaki dalam media hanyalah bersifat negatif.

Kajian daripada Vaterlaus *et al.* (2018) juga mengetengahkan representasi imej negatif belia perempuan yang suka menonton rancangan televisyen secara berterusan. Keadaan ini menjadi bertambah serius apabila beliau mengatakan bahawa perlakuan penonton berterusan tersebut menyebabkan mereka suka bersendirinya. Walaupun begitu, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kerana responden perempuan dalam kajian yang dijalankan oleh Vaterlaus hanya 58 peratus daripada jumlah keseluruhan responden kajian. Di samping itu, golongan belia perempuan juga direpresentasikan secara negatif dalam majalah hasil kajian Golding (1974). Kajian beliau menumpukan perhatian kepada representasi perempuan yang menunjukkan bahawa stereotaip jantina dalam majalah tersebut membawa kepada pemaparan kehidupan sosioekonomik tersurat dan tersirat seseorang perempuan yang direpresentasikan. Kehidupan yang ditunjukkan dalam imej majalah tersebut tidak menggambarkan kehidupan sebenar mereka.

Oleh itu, ketiga-tiga konsep representasi belia dalam media massa yang dibincangkan dalam kertas kerja ini menunjukkan bahawa terdapat masalah dari segi representasi belia. Walau bagaimanapun, konsep yang dibincangkan dalam artikel ini tidak dapat merepresentasikan semua golongan belia di dunia. Kajian lepas yang dibincangkan tidak merangkumi kesemua golongan belia. Namun begitu, konsep-konsep tersebut dapat memberi gambaran bahawa representasi yang salah memberi kesan negatif dan akan membawa masalah terutamanya

kepada golongan belia. Perkara ini berpunca daripada sifat ingin tahu golongan ini dan mencari kesebatian diri atau cita rasa yang seterusnya membentuk cara pandang serta identiti diri mereka.

PERBINCANGAN

Ketiga-tiga konsep representasi seperti representasi keganasan, masalah sosial dan stereotaip imej negatif yang dibincangkan akan membentuk budaya kebiasaan dalam peribadi belia (Levinsen & Wien, 2011). Kajian Levinsen dan Wien (2011) menyatakan bahawa budaya memainkan peranan penting dalam representasi belia. Dalam kajiannya, surat khabar di Denmark membudayakan stereotaip bahawa jenayah dan kemalangan yang dilaporkan dalam akhbar mereka terdiri daripada mereka yang berkulit putih dan bukan berkulit putih (kebanyakannya *African-American*) dan bukan masyarakat tempatan. Keadaan ini menyebabkan masyarakat membudayakan perbezaan budaya dalam pelaporan akhbar. Amundson, Lichter dan Lichter (2005) juga menyatakan bahawa kaum atau bangsa memainkan peranan dalam menentukan jenayah dan kemalangan yang dilakukan.

Walaupun sarjana dalam kajian lalu memperlihatkan representasi belia dalam media massa kelihatan negatif. Namun, kajian representasi belia dalam konteks masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama seperti Malaysia atau Sabah secara khususnya masih diperlukan. Hal ini disebabkan negara yang sedang membangun seperti Malaysia mempunyai banyak kelompangan dari segi polisi, perundangan dan kandungan media yang berbeza dengan negara luar. Oleh itu, signifikan untuk menguji konsep-konsep representasi tersebut adalah amat jelas dan perlu dikaji.

Selain itu, media perlahan-lahan membentuk sikap dan kepercayaan penonton (Subrahmanyam & Smahel, 2010: 125). Hasilnya, stereotaip dipalsukan dari semasa ke semasa dalam menghasilkan kandungan media dan dilihat secara berterusan dan berulang oleh penonton. Namun, stereotaip yang dipertontonkan hanya akan memberi impak kepada penonton apabila terdapat watak yang menyerlah dan bersesuaian dengan cita rasa yang mampu mempengaruhi mereka. Belia berada pada tahap fasa perkembangan, maka mereka ialah golongan yang mudah untuk dipengaruhi namun kesannya adalah berbeza mengikut individu. Representasi sedemikian menyebabkan golongan belia membentuk sikap menurut kandungan media dan percaya terhadap apa yang dipertontonkan kepada mereka.

Di Sabah, apabila melihat kepada laporan dalam media massa, golongan belia dikira bertuah. Belia di Sabah dilihat begitu penting kerana turut terlibat dalam pembangunan negeri. Golongan belia dilihat sebagai aset penting kerana mereka terlibat dalam politik, ekonomi dan sosial di Sabah.

Kajian tentang penglibatan belia di Sabah telah diulas oleh Ramli Dollah dalam kajiannya berhubung peranan belia dalam Pilihan Raya ke-14 di Parlimen P.188 Silam. Kemenangan Parti Warisan Sabah di kawasan tersebut adalah disebabkan oleh pengundi belia yang merangkumi lebih 48 peratus daripada jumlah pengundi berdaftar secara keseluruhan di Parlimen Silam. Dalam hal ini, representasi yang ditonjolkan belia secara terang-terangan dalam media sosial memberikan impak kepada belia-belia lain untuk bersama-sama menyokong calon yang dirasakan layak.

Protes secara terang-terangan oleh belia dalam aplikasi media sosial seperti Whatsapp, Facebook dan lain-lain menggambarkan ada sesuatu yang mereka tidak berpuas hati dengan kepimpinan yang dibawa oleh kerajaan sebelumnya (Dollah *et al.*, 2019). Representasi yang dibawa oleh kandungan mesej yang disebarkan oleh belia untuk pembangunan politik di Sabah menggambarkan representasi belia tidak terhad kepada perkara biasa seperti yang digambarkan oleh media massa luar. Hal ini memberikan sudut pandang berbeza bagi masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama tetapi bersatu dalam membangunkan negara, bermula dengan langkah pemilihan barisan kepimpinan negara.

Selain itu, belia di Sabah direpresentasikan secara baik dari segi ekonomi. Perkara ini boleh dilihat menerusi keprihatinan pihak Kerajaan Negeri Sabah dalam membangun dan menginspirasi belia itu sendiri. Sebelum ini, Skim Keusahawanan Belia Sabah atau Youth Entrepreneurship Scheme Sabah (YESS) yang telah diperkenalkan untuk belia bagi memulakan perniagaan mereka telah diperbaharui melalui Program Aspirasi Keusahawanan Belia Sabah. Dana dari program berikut bakal memberi manfaat kepada 1000 orang belia di Sabah (Borneo Today, November 2019; *Sabah News Today*, November 2019). Setakat Julai 2019, terdapat 1,787 permohonan telah diterima oleh Kementerian Belia dan Sukan Sabah bagi program ini. Penglibatan belia dalam pembangunan ekonomi tempatan di Sabah menunjukkan belia sangat aktif dalam aktiviti berfaedah sehingga jarang terlihat jenayah dilaporkan dalam media massa yang dilakukan oleh golongan belia di Sabah.

Dari segi sosial pula, belia di Sabah sering dipaparkan dalam media massa bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti seperti sukan dan rekreasi. Sebagai contoh, Larian Belia Malaysia 2019 yang dianjurkan oleh alumni Majlis Belia Malaysia Sabah (AMBMS) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Sabah dan Majlis Belia Sabah (MBS) (*Utusan Borneo Online*, Julai 2019). Terdapat banyak pemaparan dalam media massa tentang kegiatan sosial yang dijalankan belia, sama ada aktiviti berbentuk individu, berkumpulan ataupun aktiviti anjuran sekolah, universiti atau komuniti. Hal ini memaparkan bahawa representasi belia dalam kalangan masyarakat Sabah itu berbentuk positif dan tidak ada laporan yang melanggar norma sosial masyarakat Sabah.

Oleh itu, representasi belia di Sabah dalam media massa kelihatan positif berbanding dengan representasi di negara luar yang agak merisaukan kerana golongan ini dikaitkan dengan aspek keganasan, masalah sosial dan imej negatif. Kandungan media seharusnya ditapis dengan teliti agar tidak memberikan kesan negatif kepada golongan belia. Namun demikian, usaha menghasilkan kandungan media yang sesuai mengikut konteks budaya setempat bukanlah suatu kerja yang mudah. Hal ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin dan masyarakat itu sendiri serta penggiat penghasilan kandungan saluran media massa seperti YouTube dan saluran media lain.

KESIMPULAN

Media massa memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan industri-industri yang berkaitan dengan belia. Walaupun dunia mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 1980-an dan 1990-an, industri media yang menyasarkan belia tidak terjejas malah semakin diperkembangkan. Keadaan ini menjadikan golongan belia adalah sasaran pasaran yang mudah dimanipulasi kerana sikap ingin tahu dan mencuba benda baharu telah sebatikan dalam diri mereka (Osgerby, 2004). Belia dijadikan sebagai imej produk dalam iklan komersial televisyen dan iklan majalah. Hal ini membentuk representasi kehidupan belia dan akhirnya memberi kesan terhadap golongan belia kerana menganggap kehidupan yang dilihat dalam majalah dan iklan komersial tersebut adalah kehidupan yang patut dijalani oleh mereka.

Media massa juga menyajikan kandungan media yang tidak ditapis mengikut konteks budaya setempat. Hal ini menyebabkan golongan belia terdedah dengan kandungan media yang boleh mempengaruhi mereka secara negatif. Representasi belia dalam kandungan media juga dibentuk berdasarkan

kepada kehidupan yang bertentangan dengan kehidupan sebenar mereka. Apabila kandungan sedemikian disiarkan sepanjang hidup mereka, maka ia akan memberi kesan terhadap pembentukan sikap dan peribadi mereka. Ia akan membentuk sifat atau peribadi positif atau negatif kepada golongan belia tersebut. Oleh itu, kandungan media massa yang disiarkan atau dipertontonkan kepada golongan belia perlu dipantau dan dikaji agar pihak berkepentingan dapat merangka polisi yang lebih berkesan serta memberi ruang kepada golongan belia menilai baik buruk kandungan media yang disiarkan. Hal ini dilakukan bagi membentuk sikap dan peribadi golongan belia yang boleh memegang tampuk kepimpinan negara pada hari mendatang.

RUJUKAN

- Aflalo, M., & Offir, B. (2010). Activation of community television and its influence on students' creative thinking level. *Psychology, 1*, 65–79. doi: <https://doi.org/10.4236/psych.2010.12010>.
- Alan M. Rubin. (1983). Television uses and gratifications: The interactions of viewing patterns and motivations. *Journal of Broadcasting, 27* (1), 37–51. doi: <https://doi.org/10.1080/08838158309386471>
- Amundson, D. R., Lichter, L. S., & Lichter, S. R. (2005). What's the matter with kids today? Television coverage of adolescents in America. Frameworks Institute.
- Anthony Bernier. (2011). Representations of youth in local media: Implications for library service. *Library & Information Science Research, 33* (2), 158–167. doi: <https://doi.org/10.1016/j.lisr.2010.09.007>
- Aubrun, A., & Grady, J. (2000). *Aliens in the living room: How TV shapes our understanding of 'Teens,'* Washington, DC: Frameworks Institute.
- Benjamin Hanckel. (2016). Mitigating risk and facilitating access to capabilities: The role of affect in the design of an ICT-tool for queer youth in Asia. *Emotion, Space and Society, 18*, 35–43. doi: <https://doi.org/10.1016/j.emospa.2016.01.007>
- Bolvine, F. (2017). The changes in Cameroon's public television in the advent of digital switchover: The impact of technological innovation on audio-visual public policies. *Advances in Journalism and Communication, 5*, 1–22. doi: <https://doi.org/10.4236/ajc.2017.51001>.
- Borneo Today*. (November, 2019). Yeap, Lebih 1,000 Belia Sabah Terima Manfaat Ceburi Perniagaan. Dilayari daripada <https://www.borneotoday.net/yeap-lebih-1000-belia-sabah-terima-manfaat-ceburi-perniagaan/>
- Cha, J. (2016). Television use in the 21st century: An exploration of television and social television use in a multiplatform environment. *First Monday, 21* (2). doi: <https://doi.org/10.5210/fm.v21i2.6112>
- Coles, B. (2004). Welfare services for young people: Better connections? In Roche, J., Tucker, S., Thomson, R. & Flynn, R. (eds.). *Youth in Society* (2nd Ed.) (pp. 90–102). London: Sage,
- Darren K. Carlson. (2002). The blame game: Youth and media violence. Dilayari daripada <https://news.gallup.com/poll/5626/Blame-Game-Youth-Media-Violence.aspx> pada 20 Ogos 2019

- Dollah, R., Sakke, N., Shawaluddin, H., Omar, M., & Jafar, A. (2019). Peranan belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian kes di P.188 Silam. *Jurnal Komunikasi Borneo*.
- Dorota Lepianka. (2015). The representation of youth in the Dutch news media. *Young*, 23 (4), 277–292.
- Evans, E. D., Rutberg, J., Sather, C., & Turner, C. (1991). Content analysis of contemporary teen magazines for adolescent females. *Youth & Society*, 23 (1), 99–120. Doi:<https://doi.org/10.1177/0044118X91023001005>
- Fonseca, R. (2015). The presence of carnism on Portuguese television. *Open Journal of Social Sciences*, 3, 48–55. doi: <https://doi.org/10.4236/jss.2015.38004>.
- Frank Newport. (1999). Media portrayals of violence seen by many as causes of real-life violence: Government regulation of violence on internet, video games, tv favored by majority. Dilayani daripada <https://news.gallup.com/poll/3868/Media-Portrayals-Violence-Seen-Many-Causes-RealLife-Violence.aspx> pada 20 Ogos 2019
- Gerbner, G., Gross, L., Morgan, M., Singnorielli, N., & Shanahan, J. (2002). Growing up with television: Cultivation process. Dlm. Nickie Phillips (ed.). (2017). Violence, Media Effect and Criminology. Crime, Media & Popular Culture. doi: <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190264079.013.189>
- Graeme Mason. (2011). The representation of young people in the media. Youth Justice Research Team: Youth Justice.
- Hall, G. S. (1904). Adolescence: Its psychology and its relations to physiology, anthropology, sociology, sex, crime and education (Volume 1). New York: D. Appleton and Company.
- Heintz-Knowles, K. E. (2000). Images of youth: A content analysis of adolescents in prime-time entertainment programming. *Reframing youth issues*.
- Hertsmere Young Researchers. (2011). Dalam <https://www.hertsmere.gov.uk/Documents/08-Parks--Leisure/Children--Young-People/Final-Report---Unbalanced-negative-media-portrayal-of-youth.pdf> diakses pada 5 Mac 2020.
- Hetsroni, A. (2012). Violent crime on American television: A critical interpretation of empirical studies. *Sociology Mind*, 2, 141–147. doi: 10.4236/sm.2012.22018.
- J. Mitchell Vaterlaus, Lori Andersen Spruance, Kala Frantz & Jessica Sloan Kruger. (2018). College student television binge-watching: Conceptualization, gratifications, and perceived consequences: *The Social Science Journal, SOCSOCI-1535; No.10*.
- Jen, Webb. (2009). *Understanding representation*. Sage Publications.
- Kang, J., & Wei, L. (2019). Let me be at my funniest: Instagram users' motivations for using Finsta (a.k.a., fake Instagram). *Social Science Journal*, 2015. <https://doi.org/10.1016/j.soscij.2018.12.005>
- Kirsh, S. J. (2010). *Media and youth: A developmental perspective*. John Wiley & Sons.
- Kirsh, S. J. (2012). *Children, adolescents, and media violence: A critical look at the research* (2nd ed). Sage Publications.
- Klaus Levinsen & Charlotte Wien. (2011). Changing media representations of youth in the news – a content analysis of Danish newspapers 1953–2003. *Journal of Youth Studies*, 14 (7), 837–851, DOI: 10.1080/13676261.2011.607434
- Lemish, D. (ed.). (2013). *The Routledge international handbook of children, adolescents and media*. Routledge.
- McManus, J., & Dorfman, L. (2002). Youth violence stories focus on events, not causes. *Newspaper Research Journal*, 23 (4), 6–20.

- Md. Salleh Hj. Hassan & Goh Shea Nee. (2008). Pola penonton dan daya tarikan program televisyen wanita di kalangan audien. Dlm. Akmar Hayati Ahmad Ghazali, Jusang Bolong, Siti Zobaidah Omar & Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. *Cabaran Komunikasi Masa Kini*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Murray, J. P. (1980). *Television and youth: 25 years of research and controversy*. The Boys Town Center for the Study of Youth Development, Boys Town. NB 68010.
- Nancy Falchikov. (1986). Images of adolescence: An investigation into the accuracy of the image of adolescence constructed by British newspapers. *Journal of Adolescence*, 9 (2), 167–180. doi: [https://doi.org/10.1016/S0140-1971\(86\)80019-7](https://doi.org/10.1016/S0140-1971(86)80019-7).
- Nielsen Malaysia. (2019). Understanding Malaysia's Gen Z and how to reach them. Retrieve from <https://www.nielsen.com/my/en/insights/article/2019/understanding-malaysias-gen-z/>. on 24 September 2019.
- Osgerby, B. (2004). *Youth media*. Routledge.
- Porteous, M. A., & Colston, N. J. (1980). How adolescents are reported in the British press. *Journal of Adolescence*, 3 (3), 197.
- Potter, W. J. (2003). *The 11 myths of media violence*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Roberts, D. F. (2000). Media and youth: Access, exposure, and privatization. *Journal of Adolescent Health*, 27, (2) 8–14. doi: [https://doi.org/10.1016/S1054-139X\(00\)00128-2](https://doi.org/10.1016/S1054-139X(00)00128-2).
- Robson, Elaine M. (2008). Slobs and yobs: Representations of youth in the UK newspapers 1st January to 30 June 2005. Durham theses, Durham University. Available at Durham E-Theses Online: <http://etheses.dur.ac.uk/2227/>
- Rofil, L. E. F., Syed, M. A. M., & Hamzah, A. (2015). Jadi Melayu: Televisyen dan pembentukan identiti wanita keturunan Jawa di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1).
- Sabah News Today* (November, 2019). Usahawan belia Sabah digesa manfaat Program Yeap KBS. Dilayari daripada <https://www.sabahnewstoday.com/usahawan-belia-sabah-digesa-manfaat-program-yeap-kbs/>
- Subrahmanyam, K., & Smahel, D. (2010). *Digital youth: The role of media in development*. Springer Science & Business Media.
- Utusan Borneo Online*. (Julai, 2019). Larian Belia Malaysia 2019. Dilayari daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2019/07/15/larian-belia-malaysia-2019-pada-21-sept>
- Vaterlaus, J. M., et al. (2018). College student television binge-watching: Conceptualization, gratifications, and perceived consequences. *The Social Science Journal*. doi: <https://doi.org/10.1016/j.soscij.2018.10.004>
- Wayne, M., Henderson, L., Murray, C., & Petley, J. (2008). Television news and the symbolic criminalisation of young people. *Journalism Studies*, 9 (1), 75–90.
- Wayne, M., Petley, J., Murray, C., & Henderson, L. (2010). *Television news, politics and young people: Generation disconnected?* Springer.